

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bangunan baru untuk Imigresen di kawasan Parlimen Padang Serai memandangkan pejabat Imigresen yang sedia ada menyewa di premis kedai dan tidak mempunyai tempat parkir, tandas dan tempat menunggu untuk kegunaan pelanggan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan untuk pembukaan pejabat baharu atau penaiktarafan pejabat sedia ada memerlukan perancangan dan perundingan yang strategik dengan mempertimbangkan semua faktor termasuk unjuran pelanggan, akses, peruntukan kewangan, kesesuaian serta kesediaan lokasi, sumber manusia dan sebagainya.

Sehubungan itu, Kementerian akan meneliti keperluan pembukaan pejabat imigresen baharu di Padang Serai secara komprehensif. Namun begitu, sebagai pilihan, para penduduk di kawasan Parlimen Padang Serai boleh mendapatkan perkhidmatan di Pejabat Imigresen Kulim yang berhampiran.